



GARIS PANDUAN PENILAIAN MANUSKRIP PENERBIT UKM



ILMU, MUTU DAN BUDI

1 Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UKM untuk dibawa ke Mesyuarat Sidang Pengarang Universiti (SPU) perlu dinilai dan diuruskan terlebih dahulu pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj).

2 Bayaran penilaian adalah menjadi tanggungjawab PTj.

3 Pastikan manuskrip menepati spesifikasi berikut sebelum dihantar untuk penilaian Penerbit UKM:

- Pengarang/penyunting tidak melebihi tiga (3) orang.
- Jumlah perkataan hendaklah mencukupi iaitu melebihi 30,000 patah perkataan tidak termasuk bahagian awalan dan akhiran buku.
- Jumlah minima bab bagi karya asli adalah empat (4) bab dan lapan (8) bab bagi karya suntingan.
- Mempunyai bahagian Prakata.
- Jumlah halaman untuk setiap bab hendaklah seimbang.

4 Kriteria penilaian manuskrip perlu mematuhi garis panduan Penerbit UKM seperti berikut:

- Penilai terdiri daripada ahli akademik yang mempunyai afiliasi dengan universiti/badan profesional dan merupakan pakar dalam bidang manuskrip.
- Penilai hendaklah bertaraf Profesor Madya atau lebih tinggi.

• Penilai yang dilantik hendaklah dari luar institusi pengarang/penyunting dan tidak terlibat dalam penulisan manuskrip yang dinilai (contohnya sebagai pengarang, penyumbang bab dan penyelia).

• Penilaian semula (jika perlu) hendaklah dinilai oleh penilai berbeza dan proses serta kosnya diuruskan oleh PTj.

• Penilaian manuskrip menggunakan Borang Panduan Penilaian Manuskrip Penerbit UKM yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Penerbit UKM, www.ukm.my/penerbit.

• Penilai yang telah bersara boleh dipertimbangkan berdasarkan kepakaran dan pengalaman. Namun, persetujuan perlu didapatkan sebelum proses penilaian dengan menghantar permohonan berserta CV penilai kepada Pengarah Penerbit UKM: pengarahpenerbit@ukm.edu.my

5 Pengarang perlu membuat penambahbaikan kepada manuskrip yang dicadangkan oleh penilai terlebih dahulu sebelum menghantar manuskrip ke Penerbit UKM untuk pertimbangan.

6 Senarai penambahbaikan (dalam bentuk jadual) hendaklah disediakan sebelum dihantar ke Penerbit UKM untuk pertimbangan.

7 SPU akan membuat keputusan berdasarkan laporan penilaian, manuskrip yang ditambah baik, jadual penambahbaikan dan aspek lain yang berkaitan.

8 Pertimbangan penerimaan penerbitan manuskrip adalah tertakluk kepada Mesyuarat SPU dan keputusan adalah muktamad.

CARTA ALIR PENERBITAN BUKU



Sila imbas Borang Penilaian
Manuskrip Penerbit UKM

